

Cyber Games Competition 2016

Tamu Gadang UMSKAL

UB 27.11.16 A15

LABUAN: Pada 18 hingga 20 November 2016 di Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan, Kelab eSports UMSKAL telah menganjurkan Cyber Games Challenge 2016 (CGC 2016) sempena Tamu Gadang UMSKAL.

Ini merupakan kali kedua Kelab eSports menganjurkan CGC.

Dalam CGC 2016 sebanyak dua permainan telah dipertandingkan, DOTA2 dan FIFA 17.

Untuk pertandingan DOTA2, pasukan Fangay telah muncul juara dan menerima hadiah wang tunai RM1,000.

Tempat kedua dimenangi pasukan Rolling Tomato yang menerima hadiah

wang tunai RM750, ketiga pasukan Team Support yang menerima RM500 manakala keempat pasukan Team Explosion membawa pulang wang tunai RM250.

Untuk pertandingan FIFA 17, Ong Jia Wei memenangi tempat pertama dan membawa pulang hadiah wang tunai RM200, tempat kedua Mohd Farisham

menerima RM150, Mohd Luqman Norhakeem ketiga menerima RM100 dan keempat Nik Mohd Naqiuddin yang menerima hadiah wang tunai RM50.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI), Profesor Madya Dr Ag Asri Ag Ibrahim.